SUSULAN PENYELEWENGAN SUBSIDI BERAS ST15

Buru pemborong

Oleh Muhd Izawan Baharin, Amir Abd Hamid, Yusmizal Dolah Aling dan Rizanizam Abdul Hamid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

SUSULAN PENYELEWENGAN SUBSIDI BERAS ST15

'Perlu siasat perkara sebenar'

FOMCA mahu kerajaan bongkar pihak ambil kesempatan khianati rakyat

PEMBORONG BERAS

LAPORAN Harian Metro minggu lalu.

Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sedia bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk memburu pemborong beras yang terbabit dalam penyelewengan subsidi beras di negara ini.

Pengarah Penguatkuasa KPDNKK Roslan Mahyuddin berkata, kerjasama itu boleh dilakukan selepas pihaknya menerima aduan daripada MOA mengenai kesalahan penipuan perlabelan pada bungkusan beras itu.

Isu subsidi beras bukan tanggungjawab KPDNKK tetapi kita sedia bekerjasama dengan MOA sekiranya mereka menyalurkan maklumat berlaku penipuan perlabelan pada bungkusan beras berkenaan.

"Sebagai contoh, pada luar bungkusan beras ditulis 15 peratus hancur tetapi sebenarnya ia lebih daripada itu yang menjadi kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini semalam.

Beliau mengulas pendedahan eksklusif bersiri Harian Metro sejak Rabu minggu lalu mengenai penyalahgunaan subsidi beras, termasuk perbuatan mengaut untung dua kali oleh segelintir pemborong tamak dengan menukar kampit atau menjualnya secara terus kepada pihak ketiga.

Setiap bulan dianggarkan 30,000 tan beras subsidi Super Tempatan 15 peratus hancur atau lebih dikenali sebagai ST15 dengan nilai subsidi RM12 juta dipercayai mengalami 'ketirisan', sekaligus menyebabkan ia gagal disalurkan kepada rakyat berpendapatan rendah.

Mengulas lanjut Roslan berkata, siasatan akan dibuat secara menyeluruh selepas menerima aduan terbabit untuk mengesan peringkat mana berlakunya penyelewengan berkenaan.

"Kita perlu tahu di peringkat manakah penipuan itu berlaku sama ada membabitkan pemborong atau peruncit," katanya.

Dalam laporan bersiri itu, akhbar ini turut mendedahkan hasil ujian Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia Serdang terhadap empat sampel beras 10 kilogram yang mendapati kesemuanya mempunyai peratusan hancur yang berkali ganda jauh lebih tinggi daripada dicatatkan pada label.

Hasil kajian mendapati beras ST15 yang sepatutnya mempunyai 15 peratus beras hancur mempunyai hampir 37 peratus hancur manakala beras Super Special Tempatan lima peratus hancur mengandungi 27 peratus bijian hancur.

"Kami perlu tahu di peringkat mana penipuan itu berlaku sama ada pemborong atau peruncit"
Roslan